



MAJLIS AMANAH RAKYAT

PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) 2012

Majlis Amanah Rakyat (MARA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) mempelawa pelajar cemerlang Bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2012 untuk mendapatkan bantuan pinjaman pelajaran MARA bagi melanjutkan pengajian di bawah Program Ijazah Luar Negara, Program Ijazah Dalam Negara dan Diploma Cemerlang Institusi Pendidikan MARA (IPMa) 2013.

Calon-calon yang berkecukupan akan mengikuti pengajian peringkat Persediaan ataupun Diploma di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan yang tersenarai dalam pelbagai bidang yang ditawarkan MARA berdasarkan syarat-syarat berikut:

1.0 SYARAT ASAS KELAYAKAN PERMOHONAN

- 1.1 Terbuka kepada pemohon berketurunan **Melayu / Bumiputera warganegara Malaysia** dimana salah seorang ibu ATAU bapa mestilah berketurunan **Melayu / Bumiputera warganegara Malaysia**.
- 1.2 Menduduki Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2012 buat kali pertama.
- 1.3 Pemohon tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk pengajian atau peringkat yang sama.
- 1.4 Mempunyai tahap kesihatan yang baik dan tidak mengidap penyakit-penyakit kritikal seperti Hepatitis, Aids, HIV dan sebagainya.

2.0 SENARAI KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN MARA

- 2.1 Sila rujuk kod pada **Senarai Program dan Syarat Program Khas Lepas SPM 2012 – Program Ijazah Luar Negara, Program Ijazah Dalam Negara dan Diploma Cemerlang IPMa** untuk tujuan rujukan, pemilihan program dan permohonan.

3.0 SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK MINIMUM

- 3.1 Syarat kelayakan akademik minimum untuk mengikuti pengajian yang ditawarkan dinyatakan secara khusus di setiap program yang ditawarkan.
- 3.2 Calon yang tidak memenuhi syarat kelayakan minimum program tidak akan dipertimbangkan.

4.0 PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (online) di laman web MARA <http://www.mara.gov.my> atau melalui laman Facebook rasmi Program Khas Lepas Sijil Pelajaran Malaysia 2012 (www.facebook.com/Post-SPM-2013) **mulai 21 Mac 2013 hingga 28 Mac 2013**.
- 4.2 Semakan keputusan berjaya panggilan temuduga bagi pemohon yang memilih Program Ijazah Luar Negara boleh disemak mulai **11 April 2013** di laman web MARA <http://www.mara.gov.my> atau di laman Facebook rasmi Program Khas Lepas Sijil Pelajaran Malaysia 2012 (www.facebook.com/Post-SPM-2013).
- 4.3 Semakan keputusan pemohon berjaya bagi Program Ijazah Luar Negara, Program Ijazah Dalam Negara dan Program Diploma Cemerlang IPMa boleh disemak mulai **10 Mei 2013** di laman web MARA <http://www.mara.gov.my> atau di laman Facebook rasmi Program Khas Lepas Sijil Pelajaran Malaysia 2012 (www.facebook.com/Post-SPM-2013).

4.4 Permohonan yang tidak mendapat maklumbalas daripada pihak MARA selepas 28 Jun 2013 adalah dianggap tidak berjaya.

5.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut sila hubungi:

Pengarah

Bahagian Penganjuran Pelajaran

Tingkat 3, Ibu Pejabat MARA

21 Jalan Raja Laut

50609 Kuala Lumpur

(u.p: Cawangan Penajaan - Unit Program Khas)

Telefon : 03-2613 2044 / 2060 / 2120 / 2063 / 4372 / 2085 / 2110 /
2014 / 2075 / 2061

Talian Teknikal : 03-2613 2044 / 2060 / 2120 / 2063

Waktu pejabat : 9.00 pagi hingga 5.00 petang

Email : infobpp@mara.gov.my

Facebook : www.facebook.com/Post-SPM-2013